

SUKAN MALAYSIA IX, 2002

PERATURAN PERTANDINGAN BOLASEPAK

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang **Permainan Bolasepak, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA)**.
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
- 1.3 Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) akan bertanggungjawab di dalam organisasi teknikal dan seluruh kawalan, pengurusan pertandingan dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Sabah (SAFA).
- 1.4 Persatuan Bolasepak Malaysia akan melantik seorang Pengarah Pertandingan/Teknikal (General Coordinator), Venue Kordinator, Pengerusi Disiplin, Pengerusi Pengadil serta pegawai yang perlu dari Persatuan Bolasepak Sabah untuk menguruskan pengelolaan pertandingan.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

03 Sept hingga 13 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- Kompleks Sukan Kota Kinabalu (Padang Baru).
- Stadium, Kompleks Sukan Kota Kinabalu.
- Kompleks Sukan Penampang.
- Stadium UMS.

- 3.1 Pertandingan Bolasepak Lelaki akan diadakan pada bulan September 2002 dimana Stadium Likas dan Stadium Penampang akan menjadi venue utama.
- 3.2 Perlawanan akan diadakan pada jam 4.15 petang ataupun 8.15 malam. Bagi perlawanan yang diadakan pada 8.15 malam Stadium tersebut hendaklah mempunyai lampu limpah yang kuasanya 1200 lux minima seperti yang diperuntukkan oleh FIFA.

- 3.3 Pasukan adalah dibenarkan mengadakan latihan dua hari sebelum (maksima 45 min) di venue pertandingan dengan syarat keadaan cuaca dan keadaan padang mengizinkan. Kelulusan hanya boleh diberi oleh Pengarah Pertandingan. Walau bagaimanapun Pengarah Pertandingan boleh membenarkan pasukan memeriksa padang yang akan digunakan sebagai venue pertandingan.
- 3.4 Pasukan hanya dibenarkan memanaskan badan selama 20 minit sahaja sebelum perlawanan dengan kebenaran Pengarah Pertandingan jika keadaan padang dan cuaca mengizinkan.
- 3.5 Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian hanya dibenarkan menggunakan padang latihan yang telah dipilih atau disediakan oleh pihak penganjur.
- 3.6 Padang-padang perlawanan dan latihan tidak boleh digunakan 10 hari sebelum pertandingan bermula.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan hanyalah kepada semua negeri yang menyertai pertandingan Piala Presiden FAM sahaja, kecuali Polis Diraja Malaysia, Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).
- 4.2 Negeri-negeri yang mengambil bahagian hendaklah menghantar borang penyertaan kepada Jawatankuasa Tertinggi SUKAN MALAYSIA IX, 2002 melalui Majlis Sukan Negeri.
- 4.3 Negeri-negeri yang menyertai pertandingan secara otomatis mematuhi perkara-perkara berikut :-
 - a. mematuhi undang-undang permainan dan peraturan badan yang mengelola
 - b. menerima keputusan pentadbiran, disiplin dan kepengadilan berkaitan pertandingan yang diputuskan oleh pegawai FAM yang bertanggungjawab seperti yang termatub dalam peraturan pertandingan bolasepak.
 - c. Menerima semua kemudahan yang disediakan oleh tuan rumah, penganjur (Majlis Tertinggi SUKAN MALAYSIA IX, 2002), Majlis Sukan Negara, FAM berkaitan penginapan dan lain-lain.

- d. Mematuhi dan menghormati motto "FAIR PLAY"
- e. Semua pegawai, pemain membenarkan gambar yang berkaitan pertandingan ini diterbitkan dalam media massa atau television.

5.0 PENTADBIRAN DAN ORGANISASI

- 5.1 FAM akan memastikan Persatuan Bolasepak Sabah (SAFA) bertanggungjawab di atas persediaan stadium perlawanan, padang latihan dan kemudahan yang perlu adalah mengikut spesifikasi seperti yang terkandung dalam peraturan FAM dan FIFA.
- 5.2 Majlis Tertinggi SUKAN MALAYSIA IX, 2002 akan bertanggungjawab di atas persediaan penginapan dan makan serta pengangkutan pasukan.
- 5.3 FAM akan mengadakan mesyuarat pengurus-pengurus pasukan sehari sebelum bermula pertandingan bolasepak.

6.0 KELAYAKAN PEMAIN

- 6.1 Pendaftaran pemain hanya untuk warganegara Malaysia sahaja.
- 6.2 Pemain yang lahir pada atau selepas 1981 sahaja yang layak bermain dalam pertandingan ini. Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan peraturan had umur dipatuhi.
- 6.3 Semua pasukan hendaklah mengemukakan 2 salinan kad pengenalan dan tiga keping gambar berukuran pasport. Pemain dari pasukan PDRM hendaklah mendapat pengesahan dari Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM dan bagi pemain Angkatan Tentera, BAT C10 boleh digunakan sebagai pengenalan rasmi. Hanya dokumen-dokumen berikut yang boleh digunakan sebagai bukti :-
 - i. Kad Pengenalan
 - ii. JPN1/9
 - iii. JPN 1/11 (disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya atau Negeri)

- 6.4 Semua pasukan yang hendaklah mendaftar pemain-pemain yang terdiri daripada Warganegara Malaysia yang mengambil bahagian dalam pertandingan dengan persatuan. Pendaftaran pemain-pemain hendaklah dibuat dalam borang JKTPB'98.
- 6.5 Tertakluk kepada Peraturan Am 20.7 peserta yang sedang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontinjen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 6.6 Tipa-tiap pemain yang hendak menyertai kontinjen negeri Selangor atau Wilayah Persekutuan hendaklah menjadi pemain persatuan/kelab gabungan mana-mana persatuan sukan di negeri berkenaan selama 6 bulan sebelum tarikh SUKAN MALAYSIA atau diasaskan kepada penyertaan dalam kejohanan kebangsaan ataupun kejohanan MSSM yang terakhir pada tahun 2001.
- 6.7 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka..
- 6.8 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am perkara 4.6.
- 6.9 Taraf pemastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.

7.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 7.1 setiap pasukan dibenarkan mendaftar 25 orang pemain, 4 pegawai dan seorang Pengadil Kebangsaan.
- 7.2 Jawatan 4 orang pegawai hendaklah disebutkan didalam borang.
- 7.3 Pasukan-pasukan hanya dibenarkan mendaftar 18 orang pemain dan 4 orang pegawai pada mesyuarat Pengurus pasukan. Pemain-pemain ini hendaklah terdiri dari 25 orang pemain yang telah didaftarkan dalam pendaftaran asal.

- 7.4 Setiap pasukan hendaklah menghantar senarai pertama 25 orang pemain sebelum 1hb Julai 2002 ke urus setia SUKAN MALAYSIA. Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut :-
- a. Nama penuh pemain, posisi dan 4 orang pegawai serta jawatan.
 - b. Tarikh dan tempat dilahirkan.
 - c. Nombor jersi, 1 hingga 25 (tidak boleh ditukar sehingga pertandingan selesai).
 - d. Salinan kad pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
- 7.5 Borang ini hendaklah disahkan oleh Setiausaha Persatuan Bolasepak Negeri.
- 7.6 Pasukan tidak dibenarkan membuat pendaftaran dan pembatalan pemain selepas tarikh tutup pendaftaran (1hb Julai 2002).
- 7.7 Setelah senarai 18 orang disahkan semasa mesyuarat Pengurus pasukan, pendaftaran baru hanya dibenarkan kepada penjaga gol sahaja di atas sebab-sebab kecederaan. Pendaftaran hanya boleh dibuat setelah mendapat pengesahan dari doktor Persatuan Bolasepak Malaysia.
- 7.8 Semua pasukan diminta mengistiharkan warna jersi, seluar, stoking dan warna jersi penjaga gol yang dipakai semasa menjadi tuan rumah (di dalam pertandingan ini nama pasukan yang disebut dahulu adalah tuan rumah dan yang kedua adalah pasukan pelawat). Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh Pengadil perlawanan, pasukan pelawat hendaklah menukar jersi. Walaubagaimanapun pasukan diminta membawa dua set jersi yang berlainan warna semasa perlawanan.
- 7.9 Nombor jersi yang dibenarkan adalah dari 1 hingga 25 sahaja. Nombor jersi ini tidak boleh ditukar setelah didaftarkan semasa pendaftaran asal. Saiz nombor jersi yang dibenarkan adalah 10 inci tinggi dibahagian belakang dan 10 sentimeter tinggi dibahagian hadapan jersi dan sebelah kanan, hadapan seluar.
- 7.10 Pasukan yang menyertai pertandingan ini boleh menggunakan nama penaja pada jersi seperti yang disyaratkan dalam peraturan pertandingan FAM, asalkan

ianya tidak bercanggah dengan peraturan FIFA dan Majlis Olimpik Antarabangsa.

8.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 8.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa dan diterbitkan oleh FIFA.
- 8.2 Sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum bermulanya perlawanan, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama sebelas (11) pemain dan tujuh (7) pemain s'start list' yang disediakan oleh urus setia.
- 8.3 Hanya 3 pertukaran pemain dari 7 orang pemain simpanan dibenarkan semasa perlawanan.
- 8.4 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata di lengan kiri jersinya. Sekiranya ketua pasukan diganti, maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberi kepada ketua pasukan yang dilantik.

9.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 9.1 Di mana penyertaan terdiri daripada tiga belas (13) atau lebih, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam 4 kumpulan iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D. dalam pusingan liga, tempat pertama dan kedua kumpulan akan ditentukan secara berikut :-
 - a. jumlah mata (menang (3) Tiga mata, seri (1) Satu mata)
 - b. perbezaan jaringan gol
 - c. jumlah jaringan gol tertinggi
 - d. keputusan perlawanan liga (pasukan yang memenangi banyak perlawanan akan diambil kira)
 - e. undian
- 9.2 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat Separuh Akhir di SUKAN MALAYSIA, VIII 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau 'seeded'. Pasukan Johan dan pasukan Tempat Keempat akan mengetuai Kumpulan 'A' dan pasukan Naib Johan akan mengetuai Kumpulan 'B' dan pasukan Tempat Ketiga akan mengetuai Kumpulan 'C'. Pasukan-pasukan yang lain

akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing.

- 9.3 Di dalam pusingan liga (2) dua pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke perlawanan suku akhir secara kalah mati seperti berikut :-

A1	mln	B2
B1	mln	A2
C1	mln	D2
D1	mln	C2

- 9.4 Pemenang dalam perlawanan suku akhir akan bermain dalam peringkat separuh akhir secara kalah mati seperti berikut:-

A1/B2	mln	C1/D2
D1/C2 mln		B1/A2

- 9.5 Pemenang akhir dan tempat ketiga secara kalah mati akan diadakan seperti berikut :-

W	mln	X
---	-----	---

10.0 MASA PERLAWANAN

- 10.1 Masa perlawanan akan dimainkan selama 90 minit terbahagi kepada dua bahagian dimana setiap bahagian adalah 45 minit seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang permainan. Masa rehat yang dibenarkan semasa perlawanan 15 minit dari wisel ke wisel.
- 10.2 Dalam perlawanan kalah mati, jika keputusan sepenuh masa adalah seri maka masa perlawanan akan ditambah 30 minit dua bahagian iaitu 15 minit setiap bahagian tanpa masa rehat. Semasa masa tambahan ini peraturan jaringan gol keemasan (golden goal) akan dikuatkuasakan. Jika tiada keputusan semasa masa tambahan, sistem tendangan penalti seperti yang diperuntukkan dalam peraturan FIFA akan diambil.

11.0 TINDAKAN TATATERTIB

11.1 TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA DISIPLIN PERTANDINGAN

11.2 FAM akan melantik seorang Pengerusi Disiplin dan beliau bertanggungjawab melantik ahli-ahlinya dan bidang kuasa jawatankuasa ini adalah seperti berikut :-

11.2.1 mengambil tindakan ke atas pemain yang diperintah keluar

11.2.2 mengambil tindakan ke atas pegawai atau pemain yang salah laku seperti yang dilaporkan ke Jawatankuasa

11.2.3 Permohonan atau komplain yang dihantar oleh Pengurus pasukan atau pegawai yang terlibat dalam pertandingan ini

11.2.4 Di dalam hal-hal salah laku oleh pegawai jawatankuasa hendaklah melakukan siasatan dan mengambil tindakan yang sepatutnya

11.2.5 Mengesahkan secara bertulis semua amaran bertulis dan perintah keluar dalam perlawanan

11.2.6 Mengenakan penggantungan otomatis (1) satu perlawanan bagi pemain yang dikenakan kad kuning

11.2.7 kes-kes salah laku yang perlu didenda dan tindakan disiplin

11.2.8 jika ada kes yang melibatkan disiplin Pengarah Pertandingan akan terbuka secara otomatis menjadi Setiausaha jawatankuasa Disiplin untuk memanggil mesyuarat dalam masa yang singkat

11.2.9 Jawatankuasa ini hanya boleh menggantung pemain atau pegawai sehingga pertandingan ini selesai dan jika tindakan yang serius perlu diambil maka kes ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib FAM untuk tindakan selanjutnya

11.2.10 Semua tindakan disiplin yang diambil hendaklah selaras seperti yang digaris oleh Jawatankuasa Disiplin FAM

11.2.11 Di dalam membuat sesuatu keputusan Jawatankuasa ini hendaklah merujuk dahulu kepada laporan Pengadil, Penolong Pengadil, Pengadil Keempat, Pengerusi Pengadil,

Pengarah Pertandingan (General Coordinator) dan pegawai Keselamatan.

12.0 BANTAHAN

- 12.1 hanya bantahan berkaitan kelayakan pemain boleh dilakukan seperti berikut :-
- a. Menghantar surat bantahan kepada Setiausaha Pengelola melalui Pengarah Pertandingan (general Coordinator) tiga puluh (30) minit selepas perlawanan.
 - b. Wang tunai RM 200.00 sebagai desopit bantahan dan akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.
- 12.2 Bantahan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib/Bantahan adalah muktamad.

13.0 KEPENGADILAN

- 13.1 FAM akan melantik semua Jawatankuasa Pengadil Pertandingan yang terdiri dari seorang Pengerusi, dua orang ahli dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :-
- 13.1.1 Semua perlantikan Pengadil adalah tanggungjawab FAM
 - 13.1.2 Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab membuat perlantikan tugas pengadil perlawanan dan memaklumkan kepada Pengarah Pertandingan (general Coordinator) sehari sebelum perlawanan.
 - 13.1.3 Menjalankan seminar, ujian kecergasan sehari sebelum pertandingan bermula dan latihan harian pengadil
 - 13.1.4 Menghantar laporan prestasi pengadil ke FAM
 - 13.1.5 Semua keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa ini adalah muktamad dan semua jenis rayuan tidak akan diterima

14.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN/MENARIK DIRI/ MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 14.1 Sekiranya Pengadil membuat keputusan untuk menunda perlawanan disebabkan oleh keadaan padang atau cuaca maka perlawanan semula akan diadakan pada keesokannya

hari disebelah pagi atau masa akan ditetapkan oleh Pengarah Pertandingan.

- 14.2 Sekiranya Pengadil menghentikan perlawanan kerana sikap penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan, maka kemenangan akan diberi kepada pasukan yang lain dengan tiga (3) mata dan jaringan gol 3-0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih.
- 14.3 Denda
- 14.4 Sekiranya pasukan menarik diri daripada perlawanan, pasukan tersebut akan dikenakan tindakan seperti berikut: -
 - a. Jika pasukan tidak melaporkan diri untuk satu perlawanan kecuali dalam hal bencana alam dan sebab-sebabnya kemudian diterima oleh JKTPB 2002 atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang sebelum tamatnya perlawanan, maka pasukan yang engkar itu dianggap telah kalah dan kemenangan diberikan kepada lawannya dengan jaringan gol 2-0 atau lebih kiranya itulah jaringan gol pada saat meninggalkan padang. Pasukan tersebut boleh disekat daripada terus mengambil bahagian di dalam pertandingan ini.
- 14.6 Dalam apa jua keadaan sesekali pun memberi kemenangan percuma tidak dibenarkan. Jika terdapat mana-mana pasukan melakukan kesalah ini maka tindakan yang sama dalam para 14.3, 14.4 dan 14.5(a) akan digunakan.
- 14.7 Mana-mana pasukan yang gagal menamatkan jadual perlawanannya dalam pertandingan tanpa mendapat persetujuan JKTPB 2002, maka pasukan tersebut dikira terkeluar daripada pertandingan dan keputusan perlawanan-perlawanan yang terdahulu dikira batal dan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib FAM.
- 14.8 Sekiranya kurang dari 10 orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai 10 pemain atau lebih di padang hendaklah diberi kemenangan percuma dengan jaringan gol 3-0. Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan 10 orang pemain atau lebih apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pertandingan

Tempatan yang akan mengambil tindakan yang difikirkan patut.

B. ORGANISASI PENTADBIRAN

15.0 KESELAMATAN

- 15.1 Pihak Pengelola bertanggungjawab di atas penyediaan dan kelengkapan peralatan dan pegawai keselamatan kepada pemain-pemain semasa permainan seperti di dalam jadual.
- 15.2 Pihak Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kehilangan peralatan, barang, wang tunai atau lain-lain peralatan kepunyaan pasukan semasa latihan dan semasa perlawanan.

16.0 HADIAH

- 16.1 Hadiah disediakan seperti berikut:-

EMAS	PERAK	GANGSA
1	1	1

Hadiah yang disediakan adalah berupa medal untuk 24 orang

17.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 17.1 Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan taksiran akan diputuskan oleh JKTPB 2002, FAM, FIFA dan keputusan ini adalah muktamad.

Disediakan oleh:-
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturanZ am SUKMA 2002/BOLA SEPAK/AZHAR(UPKK)

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN TAEKWONDO
(LELAKI DAN WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan **Persekutuan Taekwondo Sedunia (WTF)** dan **Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA)** yang kini berkuatkuasa.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang Gabungan Persekutuan Taekwondo Sedunia (WTF).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Taekwondo Sukan Malaysia IX 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

11 Sept hingga 13 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Pusat Kebudayaan Penampang,
Donggongon, Penampang,
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia dan Universiti-Universiti Malaysia. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM dan MASUM boleh mendaftar satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan Wanita terdiri daripada:

	<u>LELAKI</u>	<u>WANITA</u>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	8 orang	8 orang
Jumlah	11 orang -----	9 orang -----

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir di antara tahun 1981 hingga 5 September 1986 sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

- 5.3 Hanya peserta yang berdaftar dengan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang mengikut Peraturan AM 6.2 layak menyertai pertandingan ini. Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan oleh lebih daripada satu pasukan negeri. Pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan disertainya kecuali anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia yang perlu mendapatkan kelulusan Majlis Sukan Angkatan Tentera.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua yuran pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang peserta kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Semua Pengurus Pasukan dikehendaki menyerahkan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan/Pasport Antarabangsa asal untuk disahkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 KELAS BERATAN

Lelaki	FIN WEIGHT	-	Tidak melebihi 54 kg
	FLY WEIGHT	-	54kg-58 kg
	BANTAM WEIGHT	-	58kg-62 kg
	FEATHER WEIGHT	-	62kg-67kg
	LIGHT WEIGHT	-	67kg-72kg
	WELTER WEIGHT	-	72kg-78KG
	MIDDLE WEIGHT	-	78kg-84kg
	HEAVY WEIGHT	-	Melebihi 84kg
Wanita	FIN WEIGHT	-	Tidak melebihi 47kg
	FLY WEIGHT	-	47kg-51kg
	BANTAM WEIGHT	-	51kg-55kg
	FEATHER WEIGHT	-	55kg-59kg
	LIGHT WEIGHT	-	59kg-63kg
	WELTER WEIGHT	-	63kg-67kg
	MIDDLE WEIGHT	-	67kg-72kg
	HEAVY WEIGHT	-	Melebihi 72kg

8.0 PAKAIAN PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian Taekwondo dobok, pelindung tubuh, perisai tangan dan pelindung tulang kering dan pelindung mulut seperti yang dibenarkan oleh MTA semasa memasuki kawasan pertandingan.
- 8.2 Peserta dilarang memakai sebarang pakaian selain daripada dobok, misalnya alat-alat tambahan seperti kasut, cincin, cermin mata dan sebagainya semasa perlawanan.

9.0 TIMBANGAN

- 9.1 Timbang berat badannya bagi peserta pada hari pertandingan akan berakhir satu (1) jam sebelum sesuatu pertandingan dimulakan.
- 9.2 Timbang badan peserta hanya dibuat sekali sahaja. Walau bagaimanapun, peserta adalah diberi kebenaran untuk membuat timbang badan terdahulu.
- 9.3 Semasa menjalani timbang badan, setiap peserta lelaki hendaklah memakai seluar pendek dan peserta wanita hendaklah memakai baju T dan seluar panjang (slack).
- 9.4 Mesin timbang badan akan disediakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Taekwondo SUKAN MALAYSIA IX 2002. Timbang badan rasmi dijalankan.

10.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1 Pertandingan akan dijalankan sistem kalah-mati. Setiap perlawanan mengandungi tiga (3) pusingan. Tempoh setiap pusingan adalah tiga (3) minit dengan masa rehat satu (1) minit di antara pusingan.
- 10.2 Undian dan jadual perlawanan akan ditetapkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan selepas acara timbang badan yang dihadiri semua pengurus pasukan.

11.0 PENGADIL/HAKIM

- 11.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) Pengadil yang bertauliah bersama dengan pasukannya setelah dipersetujui oleh Persatuan Taekwondo Malaysia.
- 11.2 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Taekwondo Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX 2002.
- 11.3 Pengadil-Pengadil hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.

- 11.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengadil-Pengadil adalah muktamad.

12.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1 Semua pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM200.00 tunai.
- 12.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 12.3 Bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa sepuluh minit selepas pertandingan itu tamat.

13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 13.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan Prosedur Aturcara Mesyuarat mengenainya adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA) dan (WTF) yang terdiri:-
- 13.1.1 Pengarah Pertandingan/Wakil
 - 13.1.2 Delegat Teknikal/Wakil
 - 13.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib itu.
- 13.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 13.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

14.0 HADIAH-HADIAH

14.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut: -

	EMAS	PERAK	GANGSA
Lelaki			
Fin (bawah54kg)	1	1	2
Fly (54kg - 58kg)	1	1	2
Bantam (58kg - 62kg)	1	1	2
Feather (62kg - 67kg)	1	1	2
Light (67kg - 72kg)	1	1	2
Welter (72kg - 78kg)	1	1	2
Middle (78kg - 84kg)	1	1	2
Heavy (melebihi 84kg)	1	1	2
	8	8	16

Wanita			
Fin (bawah47kg)	1	1	2
Fly (47kg - 51kg)	1	1	2
Bantam (51kg - 55kg)	1	1	2
Feather (55kg - 59kg)	1	1	2
Light (59kg - 63kg)	1	1	2
Welter (63kg - 67kg)	1	1	2
Middle (67kg - 72kg)	1	1	2
Heavy (melebihi 72kg)	1	1	2
	8	8	16

14.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :-
Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002/twando/200301/azhar